

Sokongan terhadap ajaran sesat bawa padah

BH 12 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada golongan tertentu supaya jangan cuba bermain api dengan menyokong kumpulan seperti Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah).

Perdana Menteri berkata, ada pihak tertentu cuba bermain api dengan berkata mereka boleh menyokong kumpulan seperti itu dan tidak akan diapa-apakan.

Katanya, jika mereka

menyokong pendapat salah seperti itu, kesannya nanti mereka sendiri yang tanggung.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, rakyat bukan Islam di negara ini tidak akan ditindas jika mereka terus menyokong kerajaan sedia ada.

"Jika kita pastikan bahawa kerajaan ini terus berkuasa, itulah jaminan kepada rakyat bukan Islam.

"Jika kita menyokong pendapat yang salah, kita pasti menerima akibat-

nya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen dan Pameran Keluli Struktur, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai kebimbangan bukan Islam ekoran pembunuhan dua tebusan oleh kumpulan Al-Ma'unah yang merompak senjata dari dua kern tentera di Perak minggu lalu.

Dua tebusan bukan Islam itu ialah antara empat orang yang ditahan oleh kumpulan itu ketika mereka dikepung oleh pasu-

kan keselamatan sebelum semua 27 anggotanya menyerah diri.

Dr Mahathir berkata, terpulang kepada rakyat, bukan beliau, untuk menjamin bahawa keamanan dan kestabilan yang dinikmati di negara ini sekarang, terus kekal.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata bahawa setiap orang amat berharga dan kerajaan tidak mahu melihat umat Islam atau bukan Islam dibunuh.

Beliau berkata, pendeka-

tan kerajaan berbeza dengan beberapa parti politik lain yang menimbulkan rasa benci terhadap kerajaan untuk meraih undi.

Ketika ditanya sama ada kegiatan kumpulan itu akan dianggap oleh penduduk bukan Islam sebagai sebahagian ajaran Islam, Dr Mahathir berkata itu bukan sebahagian Islam.

"Bagi kita, ia bukan sebahagian daripada agama kita. Ia kumpulan ajaran sesat. Kita tidak akan menyokongnya tetapi saya

yakin ada orang yang akan menyokong kumpulan ini.

"Tak lama lagi, kita akan dengar kononnya ini satu sandiwara oleh Umno. (Takkanlah) kita adakan sandiwara sehingga ada orang diseksa dan dibunuh," katanya.

Ditanya sama ada kumpulan itu mahukan bekas timbalan perdana menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dari penjara, Dr Mahathir berkata itu bukan antara tuntutan mereka.